

PM: BN sudah jaga kebajikan, tak perlu 'konsep negara berkebjakan'
The Malaysian Insider
12 September , 2011

BANDAR SERI BEGAWAN, 12 Sept — Datuk Seri Najib Razak berkata Malaysia tidak memerlukan konsep negara berkebjakan kerana kerajaan telah 54 tahun mengutamakan kesejahteraan dan kebajikan rakyat.

Perdana Menteri berkata kerajaan akan terus memperjuangkan prinsip untuk memakmurkan negara supaya kesejahteraan rakyat lebih baik.

Beliau (gambar) berkata walaupun ada pihak cuba membuat jenama baru iaitu negara kebajikan tetapi ia sesuatu yang telah lama dilaksanakan oleh kerajaan Barisan Nasional.

"Antaranya kita mempunyai rekod memerangi kemiskinan terbaik di dunia. Jumlah kemiskinan tegar dikurangkan ke tahap paling minimum.

"Kini adalah sikit-sikit kita akan terus perangi," katanya dipetik Bernama Online pada majlis Aidilfitri bersama rakyat Malaysia di sini hari ini.

PAS mengadakan konvensyen negara berkebjakan di Gombak Sabtu susulan muktamarnya Jun lalu.

Ia akan dijadikan sebahagian kandungan manifestonya menghadapi pilihan raya umum ke-13.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pm-bn-sudah-jaga-kebajikan-tak-perlu-konsep-negara-berkebjakan/>